

Persembahan Bangsawan Di Sabah: Lubuk Emas bagi Sarjana Teater

oleh

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah, Ph.D

Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan

Sarawak

anafifah@faca.unimas.my

ABSTRAK

Kecenderungan memilih bangsawan Tanah Melayu sebagai subjek kajian agak tinggi dalam kalangan sarjana teater sehingga kini, berbanding persembahan bangsawan di bahagian lain di Malaysia, terutamanya Sabah dan Sarawak. Tanggapan umum adalah bahawa pertama, persembahan bangsawan hanya terdapat di Tanah Melayu sejak zaman permulaannya pada penghujung abad ke sembilan belas. Keduanya, bentuk, kaedah pementasan dan tujuan penganjuran teater ini adalah sama dengan apa yang terdapat di Tanah Melayu walaupun teater ini diusahakan oleh masyarakat tempatan di Sabah dan Sarawak. Tanggapan seumpama ini berjaya disangkal melalui kajian persembahan bangsawan di Sarawak (2009). Dengan terlaksananya kajian persembahan bangsawan di Sarawak, kini terdapat jurang ilmu yang nyata dalam konteks perkembangan dan persembahan bangsawan di Sabah atau pun North Borneo. Kertas kerja ini akan membicarakan semua kajian lepas tentang bangsawan di Malaysia setakat ini untuk membuktikan jurang ilmu dalam topik bangsawan di Malaysia serta keperluan melaksanakan kajian tentang persembahan bangsawan di Sabah. Seterusnya kertas kerja ini juga akan membincangkan keperluan melengkapkan jurang ilmu yang sediaada dalam bangsawan di Sabah agar dokumentasi serta kefahaman tentang bangsawan di Malaysia lebih holistik sifatnya, terutamanya dalam konteks pengajaran pembelajaran teater Melayu di Malaysia.

Kata kunci: persembahan, bangsawan, teater Melayu